



18 MAY, 2024

## 49 pasukan sah penyertaan TNB MJHL 2024

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

# 49 pasukan sah penyertaan TNB MJHL 2024

**Kuala Lumpur:** Kejohanan TNB Liga Hoki Remaja Malaysia (TNB MJHL) 2024 pada musim ini lebih meriah apabila disertai 49 pasukan, sekali gus menyaksikan penyertaan paling banyak sejak 2016.

Jawatankuasa Pertandingan Konfederasi Hoki Malaysia (KHM), Datuk Seri Dr Anil Sandhu memaklumkan bahawa liga yang akan berlangsung dari 24 Mei hingga 29 Jun ini menampilkan 32 pasukan lelaki manakala selebihnya adalah membabitkan skuad wanita.

Beliau berkata, sebanyak 174 perlawanan akan berlangsung sepanjang tempoh itu membabitkan dua

lokasi iaitu Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil dan Stadium Hoki Bertam, Pulau Pinang.

“Kategori lelaki dipecahkan kepada dua divisyen iaitu bagi Divisyen 1 akan beraksi di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil. Kategori wanita juga akan bermain di Bukit Jalil.

“Divisyen 2 akan dipecahkan kepada dua iaitu Zon Utara dan Tengah. Zon Utara akan ada 10 pasukan yang bermain di Stadium Hoki Bertam manakala Zon Tengah ada 12 pasukan akan bermain di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil,” katanya pada sidang media di sini, semalam.